

Memahami



Seksualiti
Manusia



**WAWASAN
PENABUR**

Memahami Seksualiti Manusia

Tajuk	: Memahami Seksualiti Manusia
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Usun Wan
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Memahami Seksualiti Manusia

Bahagian I: Kelelakian Dan Kewanitaan

TUHAN Allah berfirman kepada perempuan itu “Aku akan menambah kesusahanmu semasa engkau hamil, dan juga kesakitanmu pada masa engkau bersalin. Walaupun demikian, engkau akan tetap berahi kepada suaminya, namun engkau akan tunduk kepadanya.”

Kemudian TUHAN Allah berfirman kepada lelaki itu, “Engkau mendengarkan kata-kata isterimu, lalu makan buah yang Aku larang engkau makan. Oleh sebab perbuatanmu itu, terkutuklah tanah... Engkau mesti bekerja keras seumur hidupmu agar tanah ini dapat menghasilkan makanan yang cukup...Adam menamakan isterinya Hawa, kerana perempuan itu menjadi ibu segenap umat manusia.

(Kejadian 3: 16-20)

“Aku akan menghibur Yerusalem, dan semua orang yang tinggal di runtuhnya. Walaupun negeri itu padang gurun, Aku akan menjadikannya sebuah taman, seperti taman-Ku di Eden. Penduduknya akan bersukacita dan bersukaria, mereka akan bernyanyi dan bersyukur kepada-Ku.”

(Yesaya 51: 3)

2 Siri Bimbingan Remaja

Dengan pengisytiharan ayat dari kitab Kejadian di atas, semua seksualiti manusia telah dicemari. Tetapi sebelum anda berfikir Allah tidak lagi mengambil berat akan manusia yang dicipta oleh-Nya, dengar juga pengisytiharan-Nya di dalam ayat dari kitab Yesaya. Harapan masih ada!

Adalah perlu bagi kita untuk memahami peringkat-peringkat perkembangan normal bagi fikiran manusia sebelum kita meneruskan bahagian ini. Anda boleh membaca dari Bab 5 buku "*Building a Love House is Hard Work*" untuk mendapat satu pandangan yang terperinci mengenai perkara ini. Pemahaman asas daripada lapan peringkat kehidupan manusia akan membantu kita menempatkan seksualiti kita dengan tanggapan yang betul sebagai orang yang istimewa yang dicipta oleh Pencipta kita.¹

Adakah kebenaran tentang kelelakian atau kewanitaan saya bermula dengan "siapakah saya seperti yang saya percayai?" Bukankah pertanyaan saya percaya siapa saya bergantung kepada "apakah yang orang lain fikirkan tentang saya?" dan "bagaimanakah saya berasa tentang diri saya dan apakah akan saya lakukan"?

Renungkan untuk beberapa saat bagaimana pertama kali kita mulai mengetahui bahawa kita adalah seorang lelaki atau perempuan.

Kebanyakan kita tidak dapat mengimbas kembali peristiwa-peristiwa pertama tersebut kerana ianya sudah lama berlaku dalam keberadaan kita sebagai manusia. Kita mengatakan bahawa kita terlalu muda untuk

mengingatinya. Bagi kita yang sebagai ibu bapa pula, kita mungkin boleh menganggap bahawa cara kita memberi respon terhadap kelahiran anak lelaki atau perempuan kita, berkemungkinan itu adalah cara ibu bapa kita memberi respon kepada kita. Kita tertanya-tanya bagaimana sebenarnya perasaan mereka bila pertama kali mereka diberitahu jantina kita atau ketika kita memegang bayi kita yang baru lahir. Yang pasti ialah... orang tua kita mahukan kita.

Pada masa yang sama, adakah kebenaran tentang jantina kita datang daripada Allah Yang Maha Kuasa yang dengan teliti telah mencipta kita di dalam fikiran-Nya sebelum kita dibentuk? Daud merenungkan perkara ini dalam Mazmur 139.

Elizabeth Elliot pula percaya bahawa:

“Untuk belajar apa ertinya menjadi seorang wanita kita mesti bermula dari Dia yang menciptakan perempuan.”²

Apa pula kata ‘seorang lelaki yang tipikal’ dari dunia kita yang telah jatuh ini? Mari kita dengar daripada seorang penulis yang bernama Kurt Tucholsky yang menggambarkan seorang lelaki sebagai:

*“Lelaki, lelaki, lelaki tipikal -
Dia lelaki yang disalahfahamkan.
Dia tidak cuba untuk memikat isterinya.
Banyak perkara lain yang lebih penting dalam hidup.*

*Terpulang kepada isterinya,
tanpa mengira perasaan hatinya,
mencuci pakaian dan memasak makanannya.
Perkara utama adalah dia taat
kepada semua kehendak suaminya.
Jika tidak, dia boleh mencari seorang lagi.*

*Dan jika isterinya meragui kesetiaannya,
dia akan berkasar:
'Saya seorang lelaki dan itu sudah cukup.'
Dia adalah lelaki yang berdikari
yang berpendapat bahawa seorang perempuan
tidak akan pernah memahaminya selamanya."*

Jadi, apa yang benar mengenai kelelakian dan kewanita-an? Siapakah orang yang **sebenar** itu? Adakah dia seorang lelaki atau perempuan yang telah **ditebus**? Dalam seksyen Antropologi dan Perempuan, *The International Standard Bible Encyclopedia*³ memberi definisi:

Lelaki : Suami, berjantina lelaki. Kata Ibrani = is
Perempuan : Isteri, wanita. Kata Ibrani = issa
Adam : manusia, sebuah nama (Kejadian 2: 23)

Dalam bukunya "*The Misunderstood Man*" (Lelaki Yang Disalahfahamkan),⁴ mendiang Walter Trobisch, seorang pastor-penulis-kaunselor bagi kebanyakan gereja-gereja di Afrika, menggambarkan lelaki yang sebenarnya sebagai manusia yang telah ditebus. Mereka adalah manusia yang dipimpin, penuh humor tetapi rendah hati, berkata-kata, keibuan, kebapaan, pelindung dan penyayang. Apabila saya merenungkan apa yang telah

digambarkan olehnya, kesedaran yang timbul membawa kegembiraan kepada saya kerana saya sedar bahawa Tuhan sebenarnya telah banyak berbicara kepada kita mengenai kekelakian dan kewanitaan. Saya juga dapat melihat apa yang digambarkannya itu juga boleh digunakan untuk “perempuan”.

Jadi, lelaki atau wanita yang ditebus adalah:

- **Dipimpin.** Sebab itulah mereka tidak takut untuk bertanyakan haluan bila perlu. Kegagalan tidak lagi menghantui mereka. Mereka mampu memimpin orang lain kerana mereka juga telah dipimpin oleh Tuhan mereka. Dalam Lukas 24:13-35, kita lihat Kleopas dan rakannya dipimpin oleh Tuhan yang telah bangkit. Ekoran itu pula mereka kembali kepada murid-murid yang lain untuk memimpin mereka.
- **Humor dan Rendah Hati.** Mereka mampu ketawakan diri mereka sendiri dan tidak berpura-pura. Tidak ada sebab untuk cuba membuktikan diri mereka dan memakai topeng. Mereka juga tidak perlu bermotifkan kepentingan diri. Semakin hari mereka merasa bebas kerana mereka adalah pelajar sepanjang masa di hadapan Tuhan. Orang lain bebas untuk datang kepada mereka atau pergi daripada mereka. Populariti tidak lagi membimbangkan mereka. Yesus adalah seperti itu. Petrus mengingatkan kita dalam salah satu suratnya, bahawa Yesus tidak mengikut kehendak-Nya sendiri, tidak ada pembenaran diri dan tidak ada dendam (1 Petrus 2:21-23).

- **Berkata-kata dan Mendengar.** Bapa syurgawi yang bercakap kepada anak-anak-Nya telah membuat mereka untuk berbicara dengan-Nya dan orang-orang lain. Lelaki itu telah *ditebus daripada berdiam diri* kerana dia telah menghadapi sakit dalam dirinya sendiri. Dia tidak takut untuk berhadapan dengan kata-kata orang lain ... terutama dari isterinya. Perempuan itu telah *ditebus daripada berdiam diri*, kerana dia telah belajar untuk menerima dirinya. Dia tidak takut untuk berhadapan dengan apa yang orang lain katakan terutama sekali dari suaminya (Kejadian 1-2). Dalam kehidupan perkahwinan, kita perlu untuk mengerti semula kebenaran Allah bahawa keperluan semua orang boleh dipenuhi hanya melalui perhubungan yang benar dengan Tuhan, bukan oleh pasangan hidupnya. Oleh itu, pasangan suami dan isteri bebas untuk berkomunikasi tanpa rasa takut jika mereka tidak dapat memenuhi harapan pasangannya.
- **Keibuan.** Mereka bebas untuk menjadi lebih keibuan untuk menggambarkan kelembutan Allah (Yesaya 66: 13; Matius 23: 37).
- **Kebapaan.** Kerana mereka telah menerima pengesahan dan kekuatan Bapa syurgawi mereka, kini mereka dapat menjadi bapa kepada orang lain yang memerlukan anugerah-Nya (Matius 10:8).
- **Dilindungi** oleh Tuhan mereka sehingga mereka juga boleh melindungi yang lain. Mereka tidak takut walaupun ada masanya mereka mungkin akan kalah atau menderita dikalahkan. Mereka dengan mudah

bangun kembali dan terus maju kerana mereka diam di dalam perlindungan Yang Maha Tinggi (Mazmur 91).

- **Mengasihi** tanpa meminta balasan. Mereka tidak mengasihi atas kekuatan mereka. Mereka mengetahui bahawa akhirnya mereka bergantung kepada Tuhan dalam kehidupan atau kematian mereka. Oleh itu, mereka tidak takut untuk mempertaruhkan hidup mereka untuk orang lain, kerana Pencipta mereka yang setia akan membangkitkan mereka daripada kematian untuk bersemuka dengan-Nya.

Berhenti sejenak untuk merenungkan keajaiban anugerah kekelakuan atau kewanitaan oleh Tuhan kepada anda.

Perkembangan Identiti Seksual dan Identiti Jantina

Beberapa Definisi

Identiti seksual adalah berkenaan dengan persoalan *Adakah saya seorang lelaki atau perempuan berdasarkan anatomi, hormon dan fungsi-fungsi otak saya.* Kebanyakan kita dilahirkan dengan tanda-tanda yang nyata sebagai seorang lelaki atau perempuan di tubuh kita. Identiti seksual adalah juga tentang peranan yang kita mainkan di dalam keluarga dan masyarakat kerana jenis tubuh yang Tuhan kurniakan kepada kita.

Identiti jantina adalah berkenaan dengan *perasaan saya, atau adakah saya merasa lebih selesa sebagai seorang lelaki atau seorang perempuan tanpa mengendahkan apa yang diharapkan orang untuk saya lakukan*. Ini termasuklah dengan apa yang sedang terjadi dalam diri saya (kerana pembawaan watak dan bentuk saya secara fizikal). Ia adalah lebih kepada perangai (temperamen, penampilan diri) dan karakter (sikap, bagaimana saya mengendalikan temperamen saya) walaupun telah rosak kerana dosa.

Kedua-dua identiti ini biasanya saling berkaitan. Tetapi kadang-kadang ini tidak terjadi di dalam dunia yang telah jatuh ini. Untuk beberapa lelaki atau perempuan, identiti jantina mereka tidak berhubung kait dengan identiti seksual mereka. Sebab itulah ada di antara mereka yang menderita ketidak-selesaan dengan peranan yang ditakrifkan melalui tubuh mereka, dengan definisi seksual yang telah ditentukan oleh tubuh mereka. Ini mungkin disebabkan oleh kepincangan dalam membesarkan anak-anak menurut peranan jantina mereka atau mereka memiliki ketidakselesaan teruk anatomi dan fisiologi. Seorang yang memiliki anatomi sebagai lelaki mungkin memiliki fungsi berfikir dan berperasaan seperti seorang perempuan, dan sebaliknya.

Beberapa Contoh Biasa Dalam Kekeliruan Jantina

Sebelum kita teruskan, saya ingin menegaskan bahawa kekeliruan jantina tidak semestinya bermaksud mempunyai kecenderungan homoseksual. Dalam konteks ini, saya sebenarnya merujuk kepada isu-isu yang dihadapi oleh kaum lelaki dan perempuan dengan peranan-peranan yang diterima dari Tuhan dengan tubuh mereka. Beberapa

contoh biasa adalah:

1. Para ibu yang berasa tidak selesa dengan penyusuan bayinya. Dengan pelbagai sebab mereka berasa terasing dari keupayaan mereka untuk menyusu bayi mereka. Ini biasanya terjadi di kalangan ibu-ibu yang telah dipengaruhi oleh peningkatan dalam penemuan-penemuan saintifik yang diketengahkan melalui iklan.
2. Para bapa yang mengalami kesukaran dalam memimpin keluarga mereka. Ramai kaum lelaki masa kini merasa kurang berkemampuan setelah isteri mulai mengambil tanggungjawab yang dahulunya dipikul oleh suami. Sebaliknya pula mereka tidak mampu untuk melaksanakan fungsi seorang isteri seperti mengandung dan menyusukan anak.
3. “Tomboy” adalah perempuan yang berpakaian dan berkelakuan seperti lelaki secara luaran.
4. “Pondan” adalah lelaki yang berasa selesa dengan berpakaian seperti perempuan.
5. Perempuan yang secara sengaja atau tidak sengaja mencari teman lelaki yang boleh didominasi olehnya selepas mereka berkahwin.
6. Imej macho yang cuba ditonjolkan oleh lelaki yang merasa tidak selamat dengan cara menjadi kaki perempuan untuk membuat diri mereka berasa penting dan diingini.

Anatomi - Apa Sebenarnya yang Berlaku?⁵

Baca Mazmur 139 dan bayangkan diri anda sedang dibentuk di dalam rahim ibu anda beberapa tahun yang lalu.

Peringkat Awal Kehamilan	Lelaki Kromosom Lelaki XY	Perempuan Kromosom Perempuan XX
	Tisu-tisu reproduktif terbentuk dengan ciri-ciri perempuan di dalam kedua-dua bayi lelaki dan perempuan kerana hormon pada awalnya dikuasai oleh jenis hormon perempuan	
Memasuki 12 Minggu Kehamilan	Hormon-hormon lelaki berkembang ke tahap yang membentuk tisu-tisu organ reproduktif lelaki	Hormon-hormon perempuan kekal pada tahap yang membentuk tisu-tisu organ reproduktif perempuan.

Kehamilan (*Gestation*) merujuk kepada proses pertumbuhan janin di antara masa persenyawaan dan kelahiran sementara kandungan (*pregnancies*) merujuk kepada seorang ibu yang mengandungkan bayi yang sedang membesar di dalam rahimnya.

Pertanyaan:

1. Di peringkat awal Kejadian 1, adakah manusia yang pertama dibezakan secara seksual?

2. Adakah perbezaan seksual-jantina hanya terjadi di Kejadian 2? Mungkinkah perbezaan seksual-jantina ini hanya dicipta pada masa itu apabila manusia-manusia lelaki dan perempuan dicipta?

Kita tidak tahu jawapannya. Apa yang penting ialah manusia pertama yang diciptakan di Kejadian adalah manusia yang sepenuhnya kerana Allah menjadikannya sedemikian.

Daripada satu orang itu Allah menciptakan dua manusia yang sama rata, satu lelaki dan yang satu lagi perempuan. Adakah Dia membezakan mereka untuk menciptakan suatu masyarakat yang pelbagai orang namun sama rata, untuk menunjukkan gambaran-Nya, yakni “Kita” dalam “Komuniti Tritunggal”? Ini bukan sahaja soalan akademik tetapi juga soalan yang praktikal. Ini kerana jawapan daripada soalan ini akan memberi kesan kepada bagaimana kita menjalani kehidupan kita di hadapan-Nya. Jika jawapannya adalah dalam bentuk afirmatif, maka sekurang-kurangnya rasa persaingan yang tidak sihat di kalangan kaum lelaki dan kaum perempuan tidak akan timbul. Maka akan ada saling tunduk hasil daripada kepatuhan kepada tujuan Allah untuk mereka.

Perkembangan organ reproduktif yang berbeza termasuklah perkembangan bakat dan temperamen yang berbeza. Sebelum kejatuhan manusia, ini mungkin telah diharmonikan bagi membentuk satu kesatuan manusia di dalam perkahwinan.

Saya percaya bahawa tidak ada seorangpun (baik lelaki mahupun perempuan) yang benar-benar dapat menggambarkan imej Allah. Satu komuniti lelaki dan perempuan yang total sahajalah yang dapat menggambarkan imej-Nya ketika kita hidup di muka bumi ini. Jadi, adalah munasabah untuk mengatakan bahawa Allah dengan kebijaksanaan-Nya, telah memastikan bahawa seorang bayi memerlukan kedekatan yang paling maksimum dari kedua-dua ibu dan bapanya untuk mengasuhnya menuju kematangan; bukan dari pasangan dua lelaki atau dua perempuan. Seperti yang dikatakan oleh Yesus, di syurga tidak ada lelaki atau wanita, hanya ada anak-anak kesayangan Allah.

Dengan memahami perbezaan jenis-jenis temperamen, kita boleh menganggap bahawa perbezaan seksual dan jantina mungkin tidak diperlukan lagi di syurga. Yesus ada mengatakan bahawa tidak akan ada lagi yang akan berkahwin atau dikahwinkan di syurga. Tetapi kita akan menjadi seperti Kristus. Kita akan sama-sama menjadi sepenuhnya seperti Dia untuk berfungsi di dalam semua jenis temperamen. Kita tidak tahu adakah kita akan memiliki kedua-dua set temperamen itu. Kita hanya perlu ingat bahawa Bapa kita adalah Allah yang kreatif.

Perbezaan Nyata Antara Lelaki dan Perempuan

Jika kita melihat kepada beberapa perbezaan semula jadi antara lelaki dan perempuan dari sudut temperamen, maka kita akan merasa lebih selesa dan tidak takut apabila isu ini diperbincangkan, tidak kira kita lelaki ataupun perempuan. Keupayaan untuk berubah wujud kerana karakter individu kita yang menentukan

bagaimana kita menggunakan temperamen kita. Karakter tidak ditentukan oleh jantina.

Umumnya, lelaki lebih:	Umumnya, wanita lebih:
<ul style="list-style-type: none">• Objektif• Berfikir• Memimpin• Berorientasikan tugas	<ul style="list-style-type: none">• Subjektif• Berasa• Menyokong• Berorientasikan orang

Perbezaan-perbezaan tersebut biasanya menonjol dalam penggunaan bahasa di mana kata-kata yang sama mungkin ditafsir secara berlainan oleh lelaki dan perempuan.

- *Sebelum Kejatuhan (Kejadian 1 & 2)*
Perbezaan set bakat dan pemberian tidak bercanggah di antara satu sama lain. Dari segi fizikal, keduanya berbeza secara luaran. Mereka telanjang tetapi tidak merasa malu kerana tidak ada rasa bersalah dalam diri mereka. Adam dan Hawa pasti telah menikmati perbezaan temperamen mereka yang saling melengkapi itu.
- *Semasa Kejatuhan (Kejadian 3)*
Perempuan - Menyalahgunakan bakat pemberiannya dengan menyokong musuh Allah dan bukannya menolong suaminya dalam mentaati-Nya. Dosa Hawa disebabkan oleh ketidakpuasannya dengan apa yang telah dia miliki. Sebab itulah dia telah jatuh ke dalam perangkap musuh Allah. Dia menyanjung dirinya sendiri.

Lelaki - Menyalahgunakan bakat pemberian kepimpinannya dan mengikuti isterinya untuk mengingkari Allah. Kita beranggapan bahawa dia ingin menyenangkan isterinya. Dosa Adam adalah menyangjung isterinya dan bukannya menyembah Allah dan menyayangi-Nya lebih dari segalanya.

- *Setelah Kejatuhan*

Kedua-duanya merasa bersalah (melibatkan kebenaran) dan malu (kesedaran cetek akan dosa, lebih berorientasi secara luaran). Sifat berdosa mereka kemudiannya telah menentukan cara mereka menggunakan bakat pemberian mereka. Kutukan telah menjadikan mereka:

Untuk lelaki:

1. Keseronokan untuk bekerja kini telah bertukar menjadi satu beban.
2. Dia menjadi lebih menitik-beratkan tugas dan hasil kerjanya daripada merasa puas dengan menjaga dunia Allah dan menikmati segala yang telah disediakan oleh-Nya.
3. Dia mulai melihat fungsi isterinya yang melahirkan anak-anak. Ini adalah berkaitan dengan aspek fizikalnya secara seksualiti, dan bukannya temperamen pelengkap isterinya.
4. Dia mulai mempunyai pandangan terseleweng terhadap tubuh isterinya. Tubuh isterinya hanya untuk digunakannya. (Tanggapan ini kemudian menjadi tanggapan umum tentang perempuan di dalam dunia kita yang telah jatuh ini.)

5. Daripada menganggap isterinya sebagai setaraf di mata Allah untuk disayangi dan dihargai, dia kehilangan rasa hormat terhadap perkongsian isterinya dalam membuat keputusan-keputusan besar.

Untuk perempuan:

1. Keseronokan tentang kewanitaannya yang dinyatakan melalui kesanggupannya untuk menyokong suaminya sebagai pemimpin, dan melahirkan anak, bertukar menjadi kebergantungan yang berlebihan kepadanya untuk sokongan emosi.
2. Dia takut akan sakit bersalin.
3. Dia menjadi terlalu prihatin dengan berusaha untuk menyenangkan suaminya (atau lelaki secara umumnya) untuk mendapatkan kembali rasa hormat dan penerimaannya sebagai yang setaraf dengannya. Dalam dunia hari ini, ia sering dicapai dengan menggunakan kosmetik yang berlebihan atau dengan keinginan membuktikan dirinya melalui peranan profesional dalam masyarakat.
4. Dia mula melihat suaminya sebagai pesaing dan keluarganya sebagai penghalang untuk memenuhi kepuasan dirinya sendiri.

Menyedihkan sekali kerana kesusasteraan Kristian tradisional dan yang moden telah mengajar akibat-akibat dari dosa sebagai peraturan-peraturan yang alkitabiah. Kadang-kadang ini mengakibatkan lebih banyak bencana bahkan di dalam keluarga-keluarga Kristian.

Contoh-contoh:

1. Para pengkhotbah (kebanyakan mereka adalah lelaki) sering mengajar para isteri untuk tunduk kepada suami mereka sehingga ke tahap di mana ramai wanita Kristian tidak mahu mengambil inisiatif untuk mentaati Tuhan untuk diri mereka sendiri. Memang betul mereka mesti mengasihani suami mereka, tetapi Firman Tuhan tidak mengajar para isteri untuk tunduk kepada suami mereka sehingga suami mereka menjadi keutamaan lebih daripada apa yang Tuhan mahu mereka lakukan untuk-Nya. Dengan sedikit pengalaman dan kebijaksanaan yang saya perolehi semasa memasuki usia pertengahan umur, saya boleh memberi jaminan kepada anda bahawa jika Allah mahukan seorang isteri tertentu untuk taat kepada-Nya dalam beberapa bahagian kehidupannya, Dia tidak akan menyebabkan perkahwinan itu retak hanya untuk supaya dia mentaati perintah-Nya. Jika suaminya belum bersedia untuk dia mengikut kehendak Tuhan, apa yang dia perlu lakukan adalah berdoa dan secara senyap-senyap menunggu untuk suaminya bertumbuh sehinggalah dia dapat melihat perkara tersebut daripada sudut pandangan Tuhan. Di sinilah kesabaran diperlukan.
2. Ramai lelaki Kristian sering mempunyai persepsi bahawa isteri mereka tidak mampu membuat keputusan penting. Sebaik sahaja mereka mempunyai anak, dia berpendapat bahawa peranan utama perempuan adalah yang berkaitan dengan keluarga dan seks. Umumnya, terlalu sedikit pasangan suami isteri yang berfungsi secara sama rata dalam proses membuat

keputusan, sama ada Kristian atau tidak. Masalah ini menjadi lebih ketara dalam keluarga Kristian di mana ramai orang Kristian menggunakan tafsiran yang menyimpang daripada Efesus 5 untuk memastikan supaya isteri mereka melepaskan tanggungjawab dalam membuat keputusan penting di rumah kepada mereka.

Walau bagaimanapun, di mana kesan-kesan daripada kutukan ini telah dibatalkan oleh kurnia anugerah Tuhan (sama ada dalam masyarakat, gereja atau rumah), akan wujud hubungan harmoni di antara kumpulan-kumpulan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Sebelum kejatuhan Adam dan Hawa, tidak ada yang menyebut “siapa yang melakukan kerja apa” di Taman Eden. Barangkali ini adalah kerana masing-masing (suami/isteri) menjalankan bahagiannya tanpa bertengkar apa yang Allah telah tugaskan untuk mereka lakukan secara kreatif.

Faktor-faktor Yang Membantu Dalam Perkembangan Identiti Jantina

Ini adalah tentang kekelakian dan kewanitaan (iaitu perasaan maskulin dan feminin):

1. Bagaimana bapa dan ibu berhubungan antara satu sama lain.
2. Bagaimana kanak-kanak lelaki dan perempuan diperlakukan oleh ibu bapa mereka atau orang dewasa lain daripada kedua-dua jantina. Di sinilah terletak kunci kepada pemahaman kanak-kanak tentang seksual dan identiti jantina mereka.

18 Siri Bimbingan Remaja

3. Bagaimana adik-beradik berhubungan antara satu sama lain.
4. Bagaimana seseorang berhubungan dengan rakan-rakan daripada jantina yang sama.
5. Bagaimana seseorang berhubungan dengan rakan-rakan daripada jantina yang lain.

Penerimaan dan sayang akan diri sendiri dipengaruhi oleh faktor-faktor di atas dengan cara yang sihat di mana peranan ahli keluarga ditakrifkan dengan jelas, walaupun kadang-kadang mereka perlu bertukar-tukar tugas. Identiti mereka akan rosak teruk sekiranya sempadan-sempadan seksual pecah secara emosi dan/atau secara fizikal seperti dalam kes-kes penderaan seksual.⁵

Beberapa contoh penderaan seksual secara lisan

“Saya harap kamu dilahirkan sebagai seorang lelaki supaya ada yang akan menjalankan perniagaan saya dan meneruskan nama keluarga kita ...”

“Kamu ini Cha-Bor-Kan (hamba perempuan dalam bahasa Hokkien). Sia-sia sahaja membesarkan kamu untuk kemudiannya menjadi milik orang lain!”

“Ayooooo ... kamu sangat putihlah! Betapa baiknya kalau kamu ini perempuan, Mummy sungguh-sungguh mengharapkan seorang anak perempuan!”

“Kamu ini Cha-Bor-Heng (pondan dalam bahasa Hokkien). Kenapa kamu tidak boleh lebih kuat dan tegas seperti abang kamu?”

Ini berlaku terutamanya apabila anak tersebut lebih bertemperamen ‘berperasa’, sedangkan berperasa itu sendiri adalah satu kurniaan yang baik dari Tuhan.

Beberapa contoh penderaan seksual

- a. Sumbang mahram, kadang-kadang oleh saudara yang sama jantina. Perasaan luka pengkhianatan akan lebih dalam lagi jika ia dilakukan oleh orang-orang yang sepatutnya melindungi mereka, tetapi akhirnya menipu mereka akan pemilikan tubuh mereka yang sah.
- b. Rogol – terutama sekali apabila mangsa tersebut dipersalahkan atau disalahfaham oleh orang-orang yang dia harapkan dapat bertindak bagi pihaknya. Kemarahan akan memendam bersama dengan kesakitan luka dan malu.
- c. Kanak-kanak yang dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah berasrama penuh pada usia muda, terutama di sekitar akil baligh di mana eksperimentasi adalah perkara biasa di kalangan rakan-rakan sama jantina, tanpa mengira kanak-kanak lelaki atau perempuan.
- d. Kemiskinan, di mana kanak-kanak menggunakan tubuh badan mereka untuk membantu ibu bapa mereka terus hidup. Dalam keadaan sedemikian, rasa kesetiaan kepada keluarga seolah-olah menjadi lebih kuat daripada moral.

Terapi Untuk Pembaharuan Fikiran di Dalam Kristus Mengenai Kurnia Seksualiti Dari-Nya

Kita mahu menerima identiti seksual kita dengan kegembiraan, tanpa mengambil kira masa lalu, dan menjadi lebih insani dalam komuniti Allah, bertumbuh dalam Yesus Kristus Penyelamat dan Tuhan Kita. Dengan disiplin diri dan rahmat Allah, kecacatan identiti jantina kita akan seiring dengan identiti seksual seperti tujuan asal penciptaan.

Oleh itu, arah penyembuhan adalah terarah kepada identiti seksual dan jantina yang harmoni yang wujud dalam Adam dan Hawa sebelum kejatuhan. Jika anda merasa adanya keperluan untuk menyelesaikan kekeliruan jantina jauh di dalam diri anda:

1. Beritahulah kepada Bapa syurgawi anda mengenainya.
2. Cari seorang rakan doa yang boleh menyimpan rahsia.
3. Minta bantuan daripada pastoral kaunselor, dsbnya.
4. Baca buku-buku mengenainya yang berorientasikan alkitabiah.
5. Journalkan memori anda.
6. Ampuni orang-orang yang telah memberi kesan negatif kepada identiti jantina anda, jika anda tahu orang itu.
7. Ingatkan diri anda bahawa Tuhan tidak pernah berhenti menyayangi anda walaupun anda sedang melalui kekeliruan. Lakukan ini dengan merenungkan Firman Tuhan, contohnya Roma 8.
8. Ingatlah bahawa Tuhan masih sedang mengubah

anda. Oleh itu, anda mempunyai harapan untuk menjadi perempuan atau lelaki yang Dia maksudkan untuk anda. contohnya Roma 12:1,2.

9. Bermula di mana anda kini berada dan bekerja untuk melakukan perkara yang patut anda lakukan sebagai seorang perempuan atau lelaki, walaupun anda tidak merasa seperti itu. Satu hari nanti, anda mungkin terkejut bahawa perasaan lama kekeliruan jantina itu telah digantikan dengan perasaan yang baru dan betul. Anda akan dapati identiti seksual dan identiti jantina anda sudah harmoni! Terpujilah Tuhan Allah Pencipta kita yang mempunyai kedua-dua kualiti *maskulin* dan *feminin* dalam Diri-Nya!
10. Bersyukurlah kepada-Nya setiap hari untuk setiap peningkatan walaupun sedikit.

Renungan:

Ambil masa untuk merenung, menjurnal dan berdoa semasa waktu teduh harian anda dengan Tuhan. Anda mungkin mahu berkongsi dengan seseorang yang anda percayai dan berdoa bersama.

1. Adakah pandangan anda telah berubah tentang siapa diri anda sebagai anak lelaki atau perempuan Allah selepas membaca bahagian ini? Apakah bahagian itu?
2. Sudahkah anda menerima identiti seksual dan jantina yang diberikan oleh Allah Pencipta untuk anda? Mengapa?

Bahagian II

Memahami Hubungan Muda-Mudi (HMM)

Sasaran kumpulan pembaca untuk Bahagian II ini adalah remaja yang berumur 13-17 tahun. Bahagian ini bukan tentang perkahwinan. Ia adalah mengenai maksud Allah dalam mencipta dan mentahbis struktur keluarga duniawi dengan perhubungan-perhubungan antara ibu bapa dan anak-anak, serta suami dan isteri. Struktur ini adalah untuk mengajar kita dua perhubungan yang kekal:

1. Allah sebagai Bapa kepada kita anak-anak-Nya (*lihat Doa Yesus di Yohanes 17*)
2. Yesus sebagai Pengantin Lelaki dan kita sebagai pengantin perempuan-Nya (*Efesus 5, Wahyu 19:6-9: 21*)

Kita perlu mengingat dua perhubungan ini apabila kita bercakap tentang perhubungan muda-mudi (HMM). Dengan itu, kita akan dapat memandang satu sama lain dari sudut pandang Allah, dan belajar tentang arah tujuan-Nya. Jika tidak, kita akan perlu bertanggungjawab kerana ada Seseorang yang berkuasa yang harus kita jawab bagaimana kita menjalankan kehidupan kita di bumi ini. Oleh kerana itulah:

1. Bagaimana anda berhubung dengan orang lain daripada jantina yang berlainan? Tanyakan diri anda tiga soalan berikut untuk menilai diri anda:
 - a. Apakah rasanya apabila anda bebas menikmati

persahabatan kawan-kawan anda yang terdiri daripada kedua-dua jantina tanpa merasa tertekan untuk mahu mengenali seseorang secara khusus, dan pada masa yang sama takut orang lain akan mengambil dia dari anda?

- b. Apakah soalan atau idea yang terlintas di fikiran anda apabila topik HMM disebutkan?
 - c. Bilakah seorang remaja mula berminat atau terlibat secara aktif dengan perkara-perkara yang melibatkan HMM (iaitu ingin menjalin persahabatan eksklusif dengan seorang daripada jantina yang berlainan dan dengan penuh semangat menjaga persahabatan itu) walaupun menghadapi risiko akan kehilangan kawan-kawan baiknya?
2. Empat kemungkinan perhubungan di luar lingkaran keluarga:
- a. Kenalan – satu kesempatan pertemuan, tidak ada tindakan lanjut, santai.
 - b. Rakan biasa - mungkin akan berjumpa lagi tetapi tidak ada apa-apa yang berlaku. Tidak ada perkongsian rahsia bersama.
 - c. Adik-beradik lelaki dan perempuan - mungkin merindui satu sama lain jika tidak bertemu dalam suatu jangka waktu yang tertentu. Berkongsi rahsia jika saling mempercayai dapat dipupuk tetapi kekal platonik (satu perhubungan persahabatan yang erat, bukan seksual)
 - d. HMM - cemburu muncul tanpa disedari, tergopoh-gapah ingin berkongsi rahsia dan mengetahui lebih lanjut tentang seseorang. Tarikan mungkin di

sebelah pihak sahaja. Mengelamun akan seseorang. Jika perasaan ini dibiarkan berlanjutan, mungkin boleh berkembang menjadi satu perhubungan eros (romantik).

Kebanyakan perhubungan hanyalah setakat perhubungan (a) kenalan, (b) rakan biasa dan (c) adik-beradik.

3. Perbezaan emosi dan mental antara lelaki dan perempuan.

Lelaki: Lebih berfikir, berorientasikan objek dan produk, membuat keputusan berdasarkan fakta, kurang perhubungan berpusat; tetapi boleh menyebabkan sesuatu yang teruk jika perasaannya terluka kerana dia berada di suatu keadaan yang tidak dikenali. Sebab itulah dia kurang mampu untuk mengendalikan perasaannya, contohnya menjadi berang apabila cintanya ditolak.

Perempuan: Lebih mengikut perasaan, berorientasikan perhubungan, membuat keputusan berdasarkan bagaimana hal itu akan mempengaruhi perhubungan dan perasaan orang lain. Fakta tidak begitu penting. Kalau emosi mereka terluka, mereka mungkin akan jadi bingung.

Lelaki: Persetubuhan (seks) boleh menjadi tidak ada berkaitan dengan cinta sejati. Ia lebih kepada untuk kepuasan fizikal dan emosi

(yang cepat datang, dan cepat pergi). Oleh itu, mereka mungkin menjanjikan cinta sejati hanya untuk mendapatkan pengalaman fizikal.

Perempuan: Persetubuhan (seks) adalah sebahagian daripada cinta sejati yang dia rindukan. Oleh kerana itu, mereka akan membenarkan pengalaman fizikal demi untuk menerima cinta sejati, dengan menganggapnya sebagai tanda cinta sejati (sebenarnya tidak, terutama sekali jika itu berlaku di luar perkahwinan).

4. Cinta monyet

Sangat sedikit remaja yang *jatuh cinta* akan berlanjutan sampai ke tahap perkahwinan. Tetapi bagi mereka yang berjaya sampai mendirikan rumahtangga, tidak bermakna mereka lebih mengasihi satu sama lain kerana mereka sudah lama mengenali satu sama lain. Perkahwinan adalah satu komitmen untuk saling bekerja keras, tidak kira berapa lama perhubungan mereka sudah terjalin.

Jadi apa itu “cinta monyet”? (Dalam bahasa pasar di Sabah, ia sering disebut sebagai ‘penyakit angau’).

Cinta monyet adalah:

- Satu perasaan menyukai/mencintai/minat yang tidak munasabah terhadap seseorang dari jantina yang berlawanan.

- Biasanya ia berkaitan dengan ketidak-sabaran dan keinginan untuk berada di samping orang yang dia minati.
- Kerinduan untuk tanda-tanda cinta yang boleh kelihatan.
- Jarang berlanjutan lebih daripada beberapa minggu/bulan.
- Boleh berubah dalam tempoh semalaman.
- Ia biasanya sangat cemburu dan bersikap ingin memiliki.
- Jika berterusan dan berpanjangan, ia boleh melemahkan tenaga emosi, mental dan rohani. (Ada juga orang dewasa yang belum lagi keluar daripada 'cinta monyet' ini disebabkan oleh keperluan perkembangan emosi yang tidak dipenuhi.)

Contohnya, pengalaman saya sendiri semasa saya masih remaja, di mana wajah seorang lelaki yang saya minati kerap muncul di buku-buku sekolah saya! Itu mengganggu tumpuan saya terhadap pelajaran selama setahun. Kemudian dalam semalaman sahaja, 'ketagihan' itu hilang selepas seorang guru yang memahami kesepian saya bercakap dengan saya.

Soalan:

Bagaimana dan di mana kita dapat menetapkan garis sempadan sebelum perasaan cinta monyet/eros ini berkembang?

Bagaimana Mengelakkan Perasaan Fizikal Berkembang

Kita perlu memahami peringkat-peringkat pertumbuhan satu hubungan muda-mudi (HMM) yang merangkumi kekuatan dan kelemahan, latar belakang dan situasi di mana HMM terjadi:

1. Zaman remaja:

Daripada umur kira-kira 11-20 tahun, seorang remaja akan melalui masa perubahan dan pelarasan yang pesat dalam segala hal - fizikal, emosi, mental, sosial & rohani. Perubahan-perubahan ini adalah baik dan perlu untuk seorang kanak-kanak membesar menjadi seorang dewasa yang matang. Para remaja harus berurusan dengan:

- Mood mereka yang turun-naik seperti yoyo kerana peningkatan expektasi harapan dan permintaan dari orang lain dan diri sendiri.
- Keperluan untuk ingin bebas dan berdikari dalam membuat keputusan, tetapi pada masa yang masih mereka masih bergantung kepada ibu bapa secara emosi dan kewangan.
- Keperluan untuk mengimbangi keinginan naluri, kawalan luaran (contohnya lari dari godaan) dan kawalan dalaman (contohnya nilai-nilai dan moral). Ini disebabkan oleh peningkatan perubahan hormon yang terus bergolak dalam mempersiapkan mereka menjadi orang dewasa.
- Keperluan untuk mewujudkan identiti dalaman yang tidak berubah dengan adanya perubahan-perubahan luaran (baca buku **Lapan Peringkat Kehidupan Manusia** dalam Siri Bimbingan ini)

2. *Dating*

Adalah lebih baik jika lebih sedikit hubungan fizikal untuk muda-mudi sekiranya mereka terlalu muda untuk berkahwin. Godaan sangat susah untuk diambil remeh. Mereka yang sudah terlanjur mempunyai hubungan fizikal akan sangat terluca sekiranya satu HMM bertukar menjadi masam. Keluar secara berkumpulan adalah lebih bijak, menyeronokkan dan selamat kerana pasangan tidak tergoda untuk bersentuhan satu sama lain bagi meluahkan perasaan mereka. Kalau mereka berdua-duaan, godaan ini mungkin terlalu sukar untuk mereka elakkan.

Kebanyakan lelaki dan wanita tidak akan berkahwin dengan orang pertama yang mereka tergila-gilakan pada zaman kanak-kanak mereka. Jadi, jangan ambil serius HMM jika anda belum bersedia. Nikmatilah lebih banyak persahabatan platonik di sekolah, masyarakat, kelab-kelab luar kurikulum dan di kawasan kejiranan anda. Ada orang yang berpacaran selama bertahun-tahun sebelum mereka berkahwin, tetapi bercerai tidak lama selepas itu. Komitmenlah yang mengekalkan satu perhubungan itu kuat dan sihat, bukan betapa rapatnya anda secara fizikal terutama sebelum berkahwin.

Ingatlah!

*“Kehidupan adalah satu proses
bukan sebuah kilang kepuasan yang instan!”*

Semasa seorang remaja menjelajah ke dalam dunia yang lebih luas, dia perlu mewujudkan hubungan-hubungan baru di luar rumah. Ini melibatkan perasaan yang lebih mendalam tentang kesaksamaan dan penerimaan keperluan-keperluannya sendiri dan orang lain. Prasyarat untuk itu adalah satu identiti diri yang kuat. Jika anda bersabar, anda akan mendapati bahawa perspektif anda tentang mencari pasangan hidup adalah lebih luas semasa anda matang menjadi seorang dewasa.

Kebanyakan orang dewasa tidak akan berkahwin dengan lelaki atau perempuan pertama yang mereka tertarik atau suka. Tetapi tidak ada yang menghalang anda daripada berdoa untuk pasangan hidup yang Tuhan akan sediakan bagimu. Serahkan perkara itu kepada Allah dan teruskan masa remaja anda dengan yakin bahawa Dia akan menjawab doa anda suatu hari nanti.

Seksualiti dan Kesucian Diri


Sebagai anak Tuhan dan pengantin perempuan Kristus (Wahyu 19:6-8), jagalah kesucian anda untuk Dirinya sahaja, samada dalam perkahwinan ataupun membujang. Ingatlah Allah membentuk anda termasuklah tubuh badan anda. Jagalah tubuh anda untuk kegunaan-Nya di dalam dunia ini.

Ingatlah Pencipta kamu semasa kamu masih muda, sebelum masa sengsara tiba dan kamu berkata, "Aku tidak menikmati hidup..." (Pengkhobah 12:1)

Adalah sesuatu yang natural dengan meningkatnya keinginan seksual (sebahagiannya disebabkan oleh perubahan hormon di dalam badannya), remaja akan bergelut dengan rasa ingin intim secara fizikal dengan seorang lawan jenis atau mengasingkan dirinya sama sekali. Pengasingan ini mungkin kelihatan janggal jika ia adalah sementara saja (contohnya, tidak mahu berkumpul dengan kawan lawan jenis di jamuan-jamuan), tetapi ia boleh menjadi satu fobia jika berterusan.

Dalam hal ini, saya ingin menunjukkan satu graf yang mudah untuk menggambarkan kadar rangsangan seksual manusia yang berbeza mengikut jantina. Saya harap ini akan dapat menghalang aktiviti seksual secara fizikal sebelum perkahwinan. Ramai guru dan ibu bapa meluahkan kebimbangan mereka untuk remaja dan orang dewasa (lelaki dan perempuan) yang terjebak ke dalam persetubuhan dengan orang yang mereka *dating* walaupun pada mulanya mereka berniat menjaga kesucian diri.

Perbezaan tingkat keberahian di antara lelaki dan perempuan



Kejahilan tentang perbezaan dalam fungsi tubuh perempuan dan lelaki adalah salah satu faktor yang boleh menyebabkan pasangan yang sedang berpacaran melampaui had kawalan mereka sendiri dan jatuh di dalam dosa (hubungan seks di luar perkahwinan). Secara fizikal perempuan adalah lebih rapuh dan mencapai kemuncak pada kadar yang perlahan. Lelaki pula mencapai klimaks pada kadar yang lebih cepat dan dapat menguasai pasangan perempuannya. Dan kejadian yang berlaku beberapa minit itu akan meninggalkan penyesalan di kedua-dua belah pihak.

Kedua-dua mereka bertanggungjawab ke atas tindakan mereka, kecuali dalam kes rogol. Jadi kedua-duanya mesti membantu satu sama lain untuk menetapkan had kepada kedekatan fizikal mereka.

Jika kita membaca Kejadian 2:18-25 dengan teliti, kita akan mendapati bahawa seksualiti manusia adalah hadiah yang indah dari Allah pencipta kita. Oleh itu, semua fikiran dan perasaan yang dikaitkan dengan kekelakuan atau kewanitaan kita adalah baik dan suci apabila digunakan mengikut peraturan-peraturan-Nya. Tetapi dalam dunia yang sudah jatuh, kita mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menyalahgunakan pemberian ini. Sama seperti tenaga air terjun yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan kawalan yang betul untuk menghasilkan kuasa elektrik hydro untuk kegunaan yang baik, kuasa seksualiti kita juga perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh kesucian dan kasih Tuhan.

Oleh itu, walaupun anda harus menolak seseorang (lelaki atau wanita) untuk mencegah keintiman secara fizikal yang

mungkin membawa kepada perhubungan seksual, anda mesti melakukannya untuk penghormatan Tuhan dan diri anda sendiri kerana anda adalah anak kesayangan-Nya.

Rasul Paulus menggesa orang-orang yang beriman:

“Inilah kehendak Allah bagi kamu: Hendaklah kamu mengamalkan hidup yang suci, dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang cabul. Setiap orang lelaki antara kamu harus tahu bagaimana hidup bersama-sama isterinya dengan cara yang menyenangkan hati Allah dan manusia, serta tidak mengikut hawa nafsu, seperti yang dilakukan orang yang tidak mengenal Allah. Dalam hal seperti ini, janganlah seorang pun berbuat salah terhadap saudaranya, ataupun memperdayakan dia. Kami telah memberitahu kamu hal ini dahulu dan telah memberikan amaran yang keras kepada kamu bahawa Tuhan akan menghukum orang yang melakukan kesalahan seperti itu. Allah tidak memanggil kita supaya hidup cabul, tetapi supaya kita hidup dengan cara yang menyenangkan hati Allah. Oleh itu, orang yang menolak ajaran ini, bukannya menolak manusia, tetapi menolak Allah yang mengurniakan kamu Roh-Nya yang suci.”

(1 Tesalonika 4:3-8)

Bagaimana Mengelakkan Pengalaman Seksual Di Luar Perkahwinan

Kebanyakan orang-orang Asia memandang *dating* sebagai satu cara untuk mengetahui seseorang dengan lebih dalam bagi tujuan untuk berkahwin satu hari nanti. Sementara orang-orang Barat (yang membesar di dalam budaya sekular) pula cenderung melihat *dating* sebagai berseronok dan menjalin persahabatan sahaja, tanpa melihat ianya akan berkembang kepada perkahwinan.

Secara peribadi, saya percaya bahawa tidak ada keperluan untuk pergi *dating* dengan cara orang Barat kerana terdapat banyak peluang hari ini untuk bergaul dengan kumpulan yang lebih luas untuk bersenang-senang atau hanya untuk berehat dan menjadi kawan. Tiada apa-apa yang hilang, bahkan banyak manfaat yang didapati kerana kebanyakan orang tidak mengambil kesempatan ke atas orang lain di hadapan kawan-kawan dari segi gangguan seksual atau “eksiden”.

Malah jika anda mahu *dating* dengan tujuan untuk memperdalamkan persahabatan dan perkahwinan kemudiannya, ia adalah lebih bijak untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan membuat keputusan terlebih dahulu apa yang anda mahu lakukan dan apa yang anda dengan pasti tidak mahu lakukan. Contohnya adakah seorang perempuan akan membenarkan seorang lelaki memeluk/menciumnya, terutama di tempat yang tersembunyi? Adakah seorang lelaki akan membenarkan seorang perempuan menggoda dan merayunya lebih

daripada apa yang dia boleh tanggung sebelum dia mencapai tahap rangsangan seksual secara emosi dan fizikal? Hanya anda sahaja yang boleh membuat pilihan tersebut.

Apabila anda telah menyelesaikan tujuan berpacaran dan orang tersebut juga tahu niat anda yang terhad itu (contohnya untuk lebih mengenali satu sama lain, tetapi salah seorang daripada mereka boleh menghentikan proses *dating* tersebut jika dia merasakan orang yang dipacari itu bukanlah orang yang ingin dia kahwini suatu hari nanti), jadi ini mungkin masanya untuk *dating*.

Bagi kebanyakan orang yang menghormati orang lain, adalah lebih baik hanya mula *dating* jika anda menyukai orang tersebut dan berhasrat menjadikannya calon pasangan hidup anda. Mengapa harus tergesa-gesa, bukan? Jika lelaki/perempuan tersebut adalah yang disediakan oleh Allah untuk anda, tiada siapa yang boleh mengambil dia daripada anda. Dan kurangkan keintiman sebelum berkahwin. Menghantar emel, memberi hadiah atau membuat panggilan telefon boleh membantu anda mengetahui seseorang dengan lebih baik.

Saya tahu ada banyak lelaki yang memutuskan hubungan *steady* mereka dengan teman wanita mereka, kerana mereka sudah hilang rasa hormat terhadap wanita yang terlalu mudah untuk menyerah dirinya kepada lelaki. Ramai juga gadis dan wanita yang membenarkan teman lelaki mereka mengadakan hubungan seks dengan mereka apabila dijanji dengan janji-janji manis “cinta sejati” yang bersifat segera dan sementara. Jika cinta mereka adalah benar dan sejati, mereka pasti boleh menunggu, bukan?

Walau bagaimanapun, tidak kira berapa akrab anda telah mengenali seseorang melalui *dating*, hanya perkahwinan itu sahaja yang akan membolehkan anda mengenali satu sama lain secara realistik. Jadi, bukan berapa banyak janji atau pengalaman keintiman fizikal yang menyatukan suami dan isteri, tetapi komitmen mereka kepada satu sama lain untuk hari-hari yang lebih baik atau lebih buruk. Tidak kira berapa umur mereka ketika mereka berkahwin. Sebab itulah banyak (atau kebanyakan) perkahwinan yang diatur dapat berjalan lebih baik, terutamanya yang mendapat galakan dari keluarga dan kawan-kawan.

Jika anda benar-benar ingin ber*dating*, elakkan sentuhan fizikal di tempat awam atau semsa berduaan sehinggalah anda sekurang-kurangnya 75% pasti orang tersebut boleh menjadi pasangan hidup anda yang baik.

Berpegangan tangan sudah cukup melainkan bila anda telah bersedia untuk lebih serius dengan mempertimbangkan untuk bertunang atau berkahwin. Walau bagaimanapun, sentuhan berkuasa untuk menyebabkan satu tindakan melangkah kepada tindakan lain yang lebih besar dan berani. Dan kadang-kadang sikap berhati-hati anda akan beralih kepada keintiman fizikal jika anda tidak berdisiplin untuk mencegahnya. Banyak hati yang luka kerana seseorang gagal dalam mengawal dirinya. Ada gadis yang akhirnya mengandung hanya gara-gara dengan kejahilannya yang suka duduk di atas riba teman lelaki mereka!

Garis Panduan untuk Membangunkan Persahabatan Platonik Secara Sihat

- Menerima identiti seksual dan jantina dengan kegembiraan dan kesyukuran. Jadilah diri anda sendiri sebagai komuniti Tuhan, bertumbuh menjadi matang dalam kepribadian dalam Yesus Kristus, Juruselamat dan Tuhan kita. Dengan disiplin dan kasih kurnia Allah, pemikiran dan perasaan turun naik remaja akan stabil. Anda akan lebih mampu mengambil tanggungjawab sebagai seorang dewasa di dunia ini.
- Mengakui kekuatan dan kelemahan anda. Dapatkan bantuan dari Tuhan untuk menggunakan bakat anugerah anda untuk kemuliaan-Nya dan kebaikan orang lain. Pada masa yang sama, kawal kelemahan anda dengan kuasa Roh Kudus supaya anda tidak akan menyakiti orang lain atau diri anda sendiri.
- Fikirkan siapakah anda dalam hubungan dengan:
 - ⊙ Tuhan
 - ⊙ diri sendiri
 - ⊙ ibu bapa
 - ⊙ adik-beradik
 - ⊙ kawan-kawan
 - ⊙ guru-guru
 - ⊙ pastor dan ahli gereja
- Mereka yang di bawah jagaan anda, contohnya kanak-kanak di gereja, orang muda yang lain.
- Fikirkan tentang bagaimana untuk membina setiap hubungan mengikut urutan keutamaan.
- Untuk remaja yang lebih dewasa, fikirkan tentang rancangan dan kehendak Tuhan bagi anda. Apa

personaliti dan kurnia rohani anda, dan bagaimana untuk memadankannya dengan pekerjaan yang anda rasa adalah sesuai untuk anda. Tidak terlalu awal untuk memikirkan tentang pasangan hidup yang bagaimanakah yang anda ingini, yang dapat bekerjasama dengan anda untuk membina sebuah rumahtangga yang takut akan Allah dan beribadat kepada-Nya bersama-sama. Serahkan hasrat hati anda kepada-Nya dan teruskan tugas harian anda hanya untuk Tuhan sahaja.

- Tuliskan pandangan anda.
- Baca buku-buku yang berorientasikan alkitabiah.
- Cari seseorang yang anda kagumi/percaya dan bincangkan apa yang anda telah tulis dengan orang itu. Kebanyakan orang dewasa lebih bersedia untuk membantu berbanding dengan remaja sendiri. Jika mereka tidak boleh membantu, mereka mungkin tahu orang lain yang boleh bantu anda.
- Dapatkan seorang dua rakan doa yang boleh menyimpan rahsia.
- Beritahu Bapa syurgawi anda tentang semua *cinta-cinta monyet* anda atau apa-apa sahaja masalah yang anda hadapi.
- Peringatkan diri anda bahawa Tuhan tidak pernah berhenti menyayangi anda melalui semua kekeliruan anda. Lakukan ini dengan merenungkan Firman-Nya di dalam Roma 8. Mintalah pengampunan-Nya di mana anda telah tersesat dalam mana-mana aspek kehidupan muda anda. Berusaha untuk mematuhi-Nya dan bersyukurlah untuk kasih sayang-Nya yang tanpa syarat bagi anda.
- Ingatlah bahawa Tuhan masih sedang mengubah anda.

- Bersyukur kepada-Nya setiap hari untuk kehidupan baru anda di dalam Yesus Kristus.
- Baca buku-buku tentang rancangan dan tujuan Allah bagi perkahwinan dan hidup berkeluarga.

Renungan

1. Ambil masa untuk merenung, menjurnal dan berdoa semasa waktu teduh harian anda dengan Tuhan. Anda mungkin mahu berkongsi dengan seseorang yang anda percayai dan berdoa bersamanya. Journalkan pemikiran anda.

2. Ambil keputusan bagaimana anda akan mendekati isu -isu hubungan muda-mudi (HMM) pada peringkat hidup anda saat ini.



Bahagian III Trauma Seksual

Ada tiga sebab utama mengapa kesakitan trauma seksual itu berterusan begitu lama dan sangat menyakitkan. (Rujukan: *“Healing of Memories”* oleh D.A. Seamands)

1. Seksualiti Adalah Sebahagian Daripada Identiti Kemanusiaan Kita

Kita adalah manusia sepenuhnya kerana Allah menciptakan kita dengan sebuah tubuh. Satu hari nanti Dia akan memberi setiap kita tubuh baru sama seperti Yesus apabila Dia dibangkitkan. Tubuh baru mungkin tidak ada perbezaan jantina seperti di dunia ini (Matius 22:30). Namun untuk sementara ini, seksualiti kita dilingkupi di dalam identiti di dalam tubuh duniawi kita yang dibentuk sama ada sebagai lelaki atau perempuan. Seksualiti manusia membentuk sebahagian daripada identiti manusia. Sama seperti kita menyatakan peribadi kita sendiri di antara satu sama lain melalui tubuh kita, maka kita menyatakan seksualiti kita di antara satu sama lain melalui tubuh fizikal kita.

Oleh sebab itulah apabila seseorang menyentuh tubuh kita, terutamanya kawasan yang ditakrifkan untuk aktiviti seksual dan mempergunakan kita untuk kepuasan nafsu seks mereka, kita dengan sedar atau separuh sedar merasakan ada sesuatu yang telah dicuri dari kita. Kita merasakan kejutan mental dan emosi setelah mengalami satu kehilangan mendalam yang tidak normal; suatu kehilangan yang "*tidak dapat*" kita pulihkan walaupun kita mungkin boleh pulih daripada kejutan tadi. Jika seksualiti benar-benar membentuk sebahagian daripada diri yang sebenarnya, maka identiti kita telah dicatitkan. (Jenis kerosakan lain yang berlaku ke atas badan kita ialah penyakit).

Di dalam tubuh kitalah trauma seksual itu terjadi, samada melalui dipaksa menonton filem lucah, dicabul atau dirogol.

Penyerang atau penceroboh telah mencuri sesuatu yang sangat berharga daripada si mangsa. Penderaan seksual oleh seseorang yang dikenali adalah jauh lebih menyakitkan kerana ia juga melibatkan pengkhianatan terhadap kepercayaan.

Ada beberapa akibat daripada trauma seksual:

- Menaruh rasa kebencian terhadap diri sendiri (“Kenapa saya begitu bodoh sehingga saya diperlakukan seperti ini?”)
- Menaruh kebencian terhadap kaum lelaki (Ini biasa terjadi kepada kanak-kanak perempuan dan wanita yang didera secara seksual dibandingkan dengan budak-budak lelaki dan lelaki yang dewasa)
- Mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mengarahkan kemarahan dan dendam kepada orang yang serupa dengan penyerangnya, walaupun mereka adalah pasangan yang penyayang.
- Mempunyai satu keperluan separuh sedar yang perlu dibayar balik melalui apa yang telah ditipu secara emosi dari mereka.
- Keinginan untuk merosakkan perkahwinan orang lain sebagai satu cara dendam disalurkan kepada orang lain (walaupun ini sangat jarang berlaku).

2. Perasaan seksual adalah satu peledak potensi emosi yang sengit dan kuat.

Emosi yang kuat ini memerlukan sejumlah karakter yang matang untuk mengendalikannya. Apabila seorang kanak-

kanak dipaksa untuk mengalami kuasa-kuasa tekanan yang kuat itu sebelum dia mencapai peringkat pemahaman perasaan tersebut, pandangan seksualiti yang menyimpang boleh berkembang dan akhirnya menyumbang kepada gaya dan pilihan hidup yang berbahaya.

Contohnya, selepas seorang lelaki profesional yang muda telah bertunang dengan seorang wanita yang menarik, wanita itu mendapati bahawa tunangnya tidak akan membenarkan dia menyentuh dadanya. Melalui beberapa sesi nasihat kaunseling, dia mendedahkan bahawa ketika dia berusia sekitar 13 tahun, kawan lelaki bapanya secara diam-diam menarik dia ke sampingnya untuk mencubit putingnya dan mencabulnya.

3. Di sebalik perasaan dan kejadian 'menyeronokkan' itu ialah sebuah rahsia dan ancaman (terutamanya dalam sumbang mahram)

Lebih muda umur seorang budak apabila pelecehan seksual itu berlaku, maka lebih dalam luka yang dialami dan lebih sukar untuk dia dipulihkan. Ini adalah kerana kanak-kanak itu merasa keliru kenapa perkara yang 'menyeronokkan' itu harus dirahsiakan daripada orang-orang yang menyayanginya. Jika dia mempunyai hadiah mainan baru yang indah atau sekotak coklat, dia akan menunjukkan kepada semua orang betapa gembiranya dia. Mengapa tidak untuk kejadian ini?

Kekeliruan ini boleh berkembang menjadi satu kekaburan separuh sedar tentang seksualitinya yang mungkin akan

menyebabkan masalah yang serius dalam kehidupan perkahwinannya kelak. Contohnya satu perkahwinan yang tanpa persetubuhan, atau terus-menerus melakukan hubungan sulit/jatuh cinta kepada orang lain walaupun mereka bahagia sebagai sepasang suami isteri yang saling mencintai. Sebab itulah dalam kaunseling pra-perkahwinan, kita perlu membantu mereka mengetahui rahmat kesembuhan Allah sebelum mereka berkahwin.

Cadangan untuk Mendapatkan Bantuan

Jika anda pernah didera atau dilecehkan secara seksual dengan cara apa pun sebelum ini ATAU mengesyaki mungkin pernah mengalami penderaan yang serupa di masa lalu:

- Carilah seseorang untuk membicarakannya. Jangan pendamkan perasaan tersebut.
- Jika anda tidak boleh memikirkan seseorang yang anda boleh percayai, bercakap kepada Tuhan dan tanya Dia mengenai kesakitan dan kesangsian anda. Minta Tuhan menunjukkan seorang yang mungkin boleh mendengar pertanyaan-pertanyaan, keraguan dan tangisan hati anda. Dan dia juga boleh berdoa dengan/untuk anda.
- Minta Tuhan untuk mengampuni orang yang menyerang/melakukan perbuatan itu terhadap anda, sama ada orang itu dikenali atau tidak dikenali. Mohon kepada Tuhan untuk memenuhi anda dengan Roh Kudus-Nya bagi memperbaharui fikiran anda supaya anda boleh berjalan dan hidup dalam kelimpahan yang Allah ingin berikan kepada anda

untuk kebaikan dan kemuliaan-Nya.

Ingatlah:

Penerimaan Allah terhadap diri anda tetap sama. Tidak kira adakah anda pernah didera secara seksual atau tidak, adakah anda telah dirosakkan secara seksual atau tidak. Dia mahu anda menjadi baru dan penuh seperti Anak-Nya, Yesus, supaya anda akan menikmati rahmat, damai dan sukacita-Nya. Bacalah Roma 8:28. Allah boleh bekerja dalam segala perkara (baik ataupun buruk) yang telah terjadi untuk kebaikan orang-orang yang dikasihi-Nya dan dipanggil mengikut maksud-Nya. Bukankah itu suatu berita yang baik?

Contoh:

Cik A adalah seorang pekerja administrasi gereja yang rajin dan cekap. Keberkesannya akan membantu meringankan beban berat pastornya. Walau bagaimanapun, untuk beberapa tahun, Cik A mudah menjadi terikat secara emosi dengan kawan-kawan lelakinya. Apabila seorang lelaki dari jemaat menunjukkan sedikit keprihatinannya, dia mudah terasyik dan tidak dapat memberi tumpuan kepada tugasnya. Ini sangat mengecewakannya apabila orang tersebut akhirnya berkahwin dengan orang lain. Semasa kaunseling, kaunselor mendapati puncanya adalah dia mempunyai keinginan yang kuat untuk merasa romantis dengan lelaki yang dia kenal walaupun dia berusaha sebaik mungkin untuk mengawal dirinya.

Semasa dalam satu sesi kaunseling, dia menangis teresak-esak tanpa kawalan sambil menceritakan bagaimana dia ketagihan onani (melancap) walaupun dia membenci

perbuatan tersebut. Dia sering merasa sangat bersalah selepas setiap kejadian, lebih-lebih lagi apabila dia adalah seorang kaunselor muda-mudi yang dihormati di gereja. Akhirnya ini terungkap melalui sejarah hidupnya secara terperinci di mana semasa dia masih kecil, salah seorang daripada abangnya telah beberapa kali menyentuh kemaluannya. Walaupun dia tahu ada sesuatu yang tidak kena, dia sudah terbiasa dengan perasaan keasyikan oleh rangsangan seks. Setelah dia meningkat dewasa dan menjadi Kristian, dia mahu fikiran dan tindakannya suci di hadapan Tuhan. Dia cuba untuk menyingkirkan tabiat buruknya tetapi sering kali jatuh, walaupun dia berdoa dan bertaubat berulang kali. Hal ini menyebabkan dia menyimpan rasa bersalah yang tersembunyi dalam kehidupannya sebagai seorang Kristian.

Keinginannya yang berterusan untuk berasmara adalah hasil daripada memindahkan hubungan kasih sayang dan rasa benci terhadap abangnya (seorang yang dia dikagumi dan juga dibencinya akibat dari pencabulan tersebut) terutamanya terhadap lelaki yang lebih tua. Pada sisi yang lain, dia memerlukan penerimaan mereka. Tetapi pada masa yang sama, dia marah kepada mereka kerana tidak membalas pendekatannya. Dalam kekeliruan itulah dia melemparkan kemarahan kepada pastor dan isterinya. Akhirnya, dia terpaksa meletak jawatan dan meninggalkan gereja. Syukurlah, Allah menemuinya untuk mengampuni, menyucikan dan menyembuhkan dia. Dia juga memilih untuk mengampuni abangnya yang telah menyakitinya dan meninggalkan rasa pengkhianatan yang mendalam serta rasa kotor dalam kehidupannya. Dia

kemudian mendapat kemenangan melalui pengertian, doa dan banyak berusaha keras. Ketika ini, dia sudah mampu untuk mengawal diri ke atas seksualitinya. Dengan pertolongan Tuhan, dia kini menikmati kehidupan yang berkelimpahan yang dijanjikan Yesus.

Renungan

Ambil masa untuk merenung, menjurnal dan berdoa semasa waktu teduh harian anda dengan Tuhan. Anda mungkin mahu berkongsi dengan seseorang yang anda percayai dan berdoa bersamanya.

Rujukan

- ¹ Lee Bee Teik, *Building a Love House is Hard Work* (Malaysian CARE, 1996) Bab 5
- ² Elizabert Elliot, *Let Me Be A Woman – Notes to My Daughter and the Meaning of Womanhood* (Tyndale House Publishers Inc., 1976) mukasurat 18
- ³ *The International Standard Bible Encyclopedia*, lihat di bawah “anthropology” dan “woman”. General Editor: Geoffrey W. Bromiley, Vol.4, (William B. Eerdmans Publishing co., 1988)
- ⁴ Walter Trobisch, *The Misunderstood Man* (1983 Editions Trobisch GmbH)
- ⁵ Lihat di bawah subjek “Embryology” [pembangunan bayi dalam rahim ibu] untuk maklumat lanjut dari internet atau perpustakaan perubatan.
- ⁶ D.A. Seamands, *Healing of Memories* (Victor Books, 1985) Bab 8